

Cek \$40,000 untuk Rayuan Tabung Pahlawan

©TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) menyampaikan cek bernilai \$40,000 kepada Yang Dipertua Persatuan Perajurit Malaysia Senator Tan Sri Haji Hamid Bidin sambutan dari Syarikat Toshiba (M) Berhad untuk Tabung Rayuan Pahlawan di kawasan perindustrian di Shah Alam semalam. — Gambar Berita Harian.



Rayuan Hari Pahlawan hasilkan \$1.2 juta

SHAH ALAM, Selasa — Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dijangka berangkat menghadiri Malam Amal sempena majlis penutup Derma Rayuan Hari Pahlawan, di Kuala Lumpur bulan depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pusat Rayuan Hari Pahlawan, Datuk Abdul Jalal Abu Bakar berkata, 1000 orang tetamu termasuk para penderita rayuan tersebut akan hadir di majlis tersebut.

Bellau berkata demikian ketika ditemui di upacara penyampaian derma \$40,000 dari Syarikat Toshiba Malaysia Berhad untuk derma tabung tersebut di sini, hari ini.

Puas hati

Pengurus Pengerusi Toshiba (M) Berhad, Tan Sri Taib Haji Anabek menyampaikan cek tersebut kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed.

Datuk Abdul Jalil berkata, setakat ini \$1.2 juta dikutip dari para dermawan di seluruh negara.

"Di peringkat pusat saja, \$550,000 telah dikumpul berbanding hanya \$27,000 tahun lalu," ujarnya lagi.

Bellau puashati di atas sambutan orang-orang tersebut diika dibandingkan tahun-tahun sebelumnya.

"Kutipan yang kian bertambah tahun ini dianggap sebagai satu kesedaran di kalangan rakyat negara ini dalam menghargai jasa para perajurit kita," katanya.

No Siri 2217
No. Penerimaan 393/82